

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (30)

18 September 2023
2 Rabiulawal 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 45/2023

PENGUATKUASAAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT MYPORTFOLIO MELALUI SISTEM HRMIS BAGI SEMUA STAF UTM

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membuat keputusan supaya semua Universiti Awam (UA) mengemas kini MyPortfolio menggunakan sistem HRMIS. Arahan ini wajib dipatuhi oleh semua UA dan pencapaian prestasi setiap UA dipantau secara berkala oleh pihak KPT.

2. Selaras dengan arahan ini, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 15 Tahun 2023 bertarikh 5 September 2023, telah bersetuju untuk menguatkuasakan arahan untuk mengemas kini maklumat MyPortfolio melalui sistem HRMIS kepada semua staf akademik dan staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP) UTM.

3. Justeru itu, Bahagian Sumber Manusia (BSM) dengan kerjasama pegawai-pegawai PSM PTJ dan Pusat Pengurusan Data Universiti (PPDU) telah menyediakan semua maklumat yang diperlukan oleh setiap staf bagi tujuan mengemas kini maklumat MyPortfolio ini. Maklumat tersebut boleh dirujuk melalui Pegawai PSM di PTJ masing-masing. Dokumen rujukan boleh dicapai melalui laman web Jabatan Pendaftar (<https://registrar.utm.my/bsm/spkp/>).

4. **Semua staf adalah diwajibkan untuk melengkapkan maklumat MyPortfolio masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2023.** Dalam tempoh ini, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan staf di PTJ masing-masing melengkapkan dan mengemas kini maklumat MyPortfolio dalam sistem HRMIS. Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftar dan prestasi pencapaian PTJ akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

5. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil perhatian dan mematuhi arahan ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah